



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

20
23

Kursus ini dikendalikan dalam Bahasa Melayu

LATIHAN SSM

KANVAS MODEL PERNIAGAAN. DARI IDEA KEPADA PERUSAHAAN BERJAYA

PENGENALAN

Apakah anda mahu memulakan perniagaan? Apakah anda sedang memikirkan bagaimana mana mahu mencipta nilai atau perniagaan baharu? Apakah anda mahu menambahbaik atau mentransformasikan organisasi anda? Apakah anda mencari kaedah-kaedah inovatif untuk menjalankan bisnes bagi menggantikan cara lama yang sudah tidak sesuai dengan zaman?

Andai jawapan anda ya pada mana-mana soalan diatas, maka kursus ini tepat untuk anda.

KANVAS MODEL PERNIAGAAN. DARI IDEA KEPADA PERUSAHAAN BERJAYA

PENGENALAN (Sambungan)

Kursus ini fokus pada aplikasi Kanvas Model Perniagaan (BMC) sebuah alat inovasi satu muka surat untuk membantu usahawan dan pemimpin organisasi untuk memahami, merekacipta, menambahbaik serta menjayakan model bisnes baharu.

Umumnya, model bisnes menerangkan rasional bagaimana sesebuah organisasi mencipta, menyampaikan serta merealisasi nilai yang ditawarkan. Kanvas Model Perniagaan membantu bina ‘bahasa bersama’ untuk menerangkan, memvisual, menilai serta mengubah model bisnes. Anda akan mempelajari bagaimana memanfaatkan kanvas ini dalam pelbagai cabang dalam organisasi tidak kira organisasi bersaiz kecil mahupun besar, baharu ataupun sedia ada.

Ketika ini, rata-rata pemilik bisnes atau usahawan menggunakan BMC untuk tujuan:

- Pembangunan produk atau servis baharu untuk model perniagaan sedia ada.
- Pembangunan bisnes baharu.
- Membangunkan pelan strategik.
- Merenovasi atau menambahbaik model bisnes sedia ada.

OBJEKTIF KURSUS

- Mengenalpasti kedudukan perniagaan sedia ada, cabaran yang dihadapi dan perkara yang perlu diberi perhatian untuk ke tahap yang lebih tinggi.
- Mengisi petak-petak dalam BMC
- Menerangkan hubungan antara setiap blok atau elemen dalam BMC.
- Mengaplikasikan elemen BMC sebagai alat membangunkan strategi perniagaan.
- Mencipta dan menerangkan kegunaan BMC kepada ahli pasukan dan peserta lain.
- Menerangkan perbezaan strategi model B2B dan B2C.
- Menghasilkan strategi atau taktik andai menghadapi situasi luar jangka.

KANDUNGAN KURSUS

- Kitaran hayat perniagaan.
- 14 cara menggunakan BMC.
- Mengenalpasti dan memilih tawaran nilai yang bersesuaian.
- Memilih saluran dan kaedah hubungan pelanggan yang betul.
- Memilih sumber pendapatan yang paling berbaloi.
- Sumber utama, aktiviti utama, rakan utama dan struktur kos.
- Evolusi BMC 1.0. 2.0 dan 3.0.
- Melakar BMC sedia ada.
- Melakar BMC masa hadapan.

HASIL PEMBELAJARAN

Dengan menghadiri program ini, peserta akan dapat:

- Mengenalpasti kedudukan bisnes sedia ada dan mengenalpasti keutamaan bisnes untuk ke tahap seterusnya.
- Mengenalpasti 14 cara menggunakan BMC.
- Memperinci ‘avatar’ pelanggan.
- Menerangkan mengapa pelanggan harus membeli dari anda.
- Menerangkan proses pemasaran dan jualan bisnes anda.
- Menyenaraikan sumber pendapatan yang terbaik untuk bisnes anda.
- Merumus strategi dan taktik yang paling efektif untuk bisnes anda.
- Mengenalpasti sumber, aktiviti, dan orang luar serta kos-kos kritikal.
- Membina model bisnes sedia ada.
- Menambahbaik model bisnes sedia ada.

KUMPULAN SASARAN

- Usahawan yang mahu memperjelas idea bisnes dan menjayakan idea bisnes anda.
- Pemilik bisnes sedia ada yang mencari-cari kaedah untuk berinovasi dalam model bisnes sedia ada supaya kekal relevan.
- Pimpinan organisasi sektor korporat mahupun kerajaan yang mahu meningkatkan kemahiran keusahawanan dan inovasi dengan menguasai kemahiran menggunakan alat inovasi seperti BMC supaya organisasi dapat berinovasi dan kekal relevan.

KEADAH PEMBELAJARAN:

- Syarahan.
- Perbincangan kumpulan.
- Simulasi.

KANVAS MODEL PERNIAGAAN. DARI IDEA KEPADA PERUSAHAAN BERJAYA

MAKLUMAT PENCERAMAH



SAFURA ATAN merupakan *Managing Partner* di StratNaviGO Consulting PLT, *Certified Coach* dan ahli ICF. Beliau mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam pembangunan usahawan dan industry keusahawanan. Selaku *Certified Professional Trainer and Facilitator*, beliau punyai pengalaman, kemahiran mendalam dan pendedahan luas dalam dunia pembangunan usahawan. Beliau menamatkan pensijilan *Certificate of Coaching and Mentoring Professional* dan ahli *International Coaching Federation (ICF)*. Ketika ini, beliau merupakan satu-satunya *Certified FORTH Innovation Methodology Facilitator* yang berpengkalan di Malaysia dan salah seorang dari dua yang berada di Asia Tenggara. Beliau menamatkan pengajian sarjana muda dalam bidang perakaunan dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan MBA dengan pengkhususan dalam bidang keusahawanan dari UiTM. Beliau berusaha menggabungkan pengalaman beliau dalam dunia keusahawanan, pembangunan bisnes dan modal teroka ketika berkhidmat bersama syarikat pemula (startup) suatu Ketika dahulu. Ini membolehkan beliau memahami serta mengharungi setiap cabaran yang dihadapi sesebuah perusahaan kecil sederhana. Beliau juga merupakan Penasihat Bisnes Bertauliah dari GrowthWheel® (GrowthWheel® Certified Business Advisor).



ZUSUFF KAN BIN ZAINAL KAN, CPIF merupakan Penasihat Perniagaan Bertauliah GrowthWheel® (GrowthWheel® Certified Business Advisor) dan Business Designer di Startlah Innovation PLT. Beliau mempunyai pengalaman kerja di sektor korporat bersama firma seperti NAZA KIA Academy, PETRONAS, RAM Ratings Services Berhad, KFH Research Limited dan CEDAR, SME Bank. Kemudian, beliau menceburi bidang keusahawanan dengan menjadi pendiri bersama sebuah kumpulan syarikat yang berkecimpung dalam bisnes pendidikan, perdagangan dan khidmat rundingan perniagaan. Beliau merupakan BisKaunselor lantikan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), mentor di Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC), lantikan pakar kursus di Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan banyak menyampaikan seminar dan bengkel berkaitan keusahawanan di Malaysia, Brunei dan Singapura. Beliau merupakan ahli professional *Chartered Institute of Islamic Finance Professionals (CIIF)*, menamatkan pengajian sarjana dalam bidang kewangan Islam di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) dan Mastering Business Models dari Strategyzer. Beliau telah menulis bersama 3 karya berkaitan keusahawanan dan kepimpinan (1. Startup 10 Ringgit: Startlah Menggunakan BMC, 2. Rocketeer: Leading from the Middle, 3. PaDU: Panduan Asas Keusahawanan).

MAKLUMAT PENTADBIRAN



Atas talian

Tarikh	06 September 2023	
Tempat	Atas talian (<i>Online</i>)	
Masa	9.00 pagi - 5.00 petang	
Kaedah	Seperti diatas	
Pembelajaran		
Yuran	RM500.00	Standard
	RM400.00	Licensed Secretary Member of MAICSA, MIA, Malaysian Bar, MACS, MICPA, Sabah Law Society & Advocates Assoc. of Sarawak
Mata CPE SSM	8 mata	

KANVAS MODEL PERNIAGAAN. DARI IDEA KEPADA PERUSAHAAN BERJAYA

BAGAIMANA UNTUK MENDAFTAR?

1

Pendaftaran hanya secara online di <https://e-comtrac.ssm.com.my>

2

PENGGUNA BARU (Login kali Pertama)

- Klik “**SIGN UP**”
- Masukkan maklumat pendaftaran
- Klik “**REGISTER**”
- Masukkan “**USERNAME**” dan “**PASSWORD**”

PENGGUNA SEDIA ADA SSM EzBiz

- Masukkan “**USERNAME**” dan “**PASSWORD**”
- Klik “**SIGN IN**”

3

- Pilih latihan
- Semak ‘Available Seat’
- Klik ‘Add Participant’
- Masukkan maklumat peserta
- Klik ‘Submit’
- Semak maklumat peserta
- Klik ‘Submit Payment’

Nota: Sila hantar permohonan anda dalam tempoh 15 minit. Jika tidak transaksi anda akan dibatalkan oleh sistem secara automatik dan anda akan kehilangan tempat duduk. Sila mohon semula jika anda ingin meneruskan pendaftaran. bayaran penuh hendaklah dibuat semasa pendaftaran.

KANVAS MODEL PERNIAGAAN. DARI IDEA KEPADA PERUSAHAAN BERJAYA

TERMA & SYARAT UNTUK PENDAFTARAN PROGRAM LATIHAN ANJURAN BAHAGIAN AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN (BALPP)

Mod Pembayaran

- Semua pendaftaran program latihan WAJIB dilakukan melalui e-COMTRAC. Selepas pendaftaran, peserta dianggap telah membaca dan bersetuju dengan terma dan syarat ini.
- Pembayaran secara tunai dan cek tidak diterima berkuatkuasa mulai Januari 2021.

Pautan Akses Webinar

- E-mel notifikasi beserta pautan untuk mengakses webinar akan dihantar sekurang-kurangnya 24 jam sebelum webinar bermula.
- Pautan yang diberi adalah khusus untuk peserta berdaftar dan tidak boleh diberikan atau dikongsikan dengan individu lain.

Sijil Penyertaan

- Peserta yang menghadiri program latihan sepenuhnya akan diberikan Sijil Penyertaan selepas bayaran diterima.
- Peserta hanya dibenarkan menghadiri SATU program latihan sehingga untuk layak mendapat sijil penyertaan. Permohonan tuntutan bayaran balik fi tidak akan dilayan sekiranya anda mendaftar lebih daripada satu program latihan yang dilaksanakan pada tarikh yang sama.
- SSM mengenakan caj pentadbiran sebanyak RM30.00 bagi setiap salinan untuk sebarang penggantian sijil berikutkan kesilapan nama atau nombor kad pengenalan yang telah diisi oleh peserta / wakil semasa pendaftaran atau kehilangan sijil, dsb.

Pembatalan / Ketidakhadiran

- Tiada permohonan tuntutan bayaran balik akan dilayan sekiranya peserta gagal menghadiri sesuatu program latihan.
- Pertukaran peserta yang telah didaftarkan adalah tidak dibenarkan.

Pertukaran

Sebarang pertukaran fi pendaftaran ke program latihan lain adalah tidak dibenarkan.

Notis Perlindungan Data Peribadi

Maklumat peribadi anda dan maklumat lain yang diberikan dalam permohonan ini termasuklah maklumat tambahan yang anda kemukakan kemudian mungkin akan digunakan dan diproses oleh BALPP / SSM sebagai rujukan pada masa akan datang untuk berkomunikasi dengan anda mengenai program / acara kami. Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, kami ingin mendapatkan izin dan persetujuan anda untuk menggunakan data peribadi anda. Sekiranya anda tidak setuju dengan pemprosesan dan pendedahan data peribadi anda, sila e-mel kepada kami di comtrac@ssm.com.my.

Pembangunan Sumber Manusia Berhad

Suruhanjaya Syarikat Malaysia adalah penyedia latihan berdaftar PSMB di bawah GOV1000117857. Latihan ini boleh dituntut di bawah Skim SBL (majikan perlu memohon geran sekurang-kurangnya sehari sebelum tarikh latihan).

Hakcipta

Bahan-bahan program latihan adalah untuk kegunaan peribadi peserta sahaja. Tiada bahagian daripada bahan-bahan ini yang boleh disimpan, diterbitkan semula atau dihantar dalam apa jua bentuk atau sebarang cara termasuk fotostat, e-mel dan rakaman tanpa sebarang keizinan bertulis daripada pengarang atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah betul pada masa penulisan. Penilaian dan pandangan yang dinyatakan dalam bahan-bahan ini hendaklah dilayan / dianggap semata-mata untuk maklumat dan perbincangan awam dan ia bukan merupakan nasihat rasmi. Pandangan yang diberikan adalah untuk maklumat umum bagi memberi penjelasan dan pemahaman berkenaan perkara yang dibincangkan. Ia tidak boleh digunakan sebagai alternatif kepada nasihat undang-undang khusus daripada peguam anda atau penyedia perkhidmatan profesional yang lain. Sekiranya anda mempunyai sebarang isu khusus dan / atau pertanyaan berkenaan sebarang perkara undang-undang, anda harus berunding dengan peguam anda atau penyedia perkhidmatan profesional yang lain. Walau apa pun, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan sama ada dalam tindakan kontrak, kecualian atau salah laku yang timbul daripada kandungan-kandungan dalam bahan-bahan ini.

Penafian

SSM berhak membatalkan program latihan, meminda tarikh, tempat, penceramah atau sebarang perubahan lain disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka yang mungkin timbul tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada peserta. SSM juga berhak membuat pindaan alternatif tanpa notis awal. SSM tidak bertanggungjawab terhadap kematian, penyakit, kecederaan, kehilangan atau kerosakan mana-mana harta kepunyaan atau kerugian kewangan oleh mana-mana individu yang menghadiri program latihan, walau apapun puncanya. SSM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos, kerosakan atau kerugian yang ditanggung oleh peserta akibat pindaan dan / atau pembatalan. SSM tidak bertanggungjawab terhadap integriti komputer atau peranti peserta, liputan internet jalur lebar (*internet signal bandwidth*) anda atau sebarang pertimbangan lain di luar kawalan SSM.

SSM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah atau kerosakan teknikal, termasuk, tanpa had, tindakan, ketinggalan, masalah atau kerosakan mana-mana rangkaian telefon atau talian, sistem komputer dalam talian, pelayan (*server*), peralatan komputer, perisian, kegagalan e-mel, kesesakan liputan internet (*traffic congestion*) atau mana-mana laman sesawang atau gabungannya.

Semua maklumat yang terkandung dalam brosur ini adalah betul dan tepat pada masa penerbitan.

BAHAGIAN AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN (BALPP)

Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Tingkat 12, Menara SSM@Sentral
No.7, Jalan Stesen Sentral 5
50623 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2299 4906/ 4440/ 5308/ 4441
Emel : comtrac@ssm.com.my
Laman web : www.ssm.com.my